

Bil. 21

Selasa

25 Julai 2017



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
Parliamentary Debates

KAMAR KHAS
Special Chamber

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Pembinaan Pusat Pelupusan Sampah
di Bukit Payong**
 - *YB. Dato' Dr. Noraini binti Ahmad*
(*Parit Sulong*) [Halaman 1]

- **Isu Dadah di Kalangan Remaja dan Kanak-kanak
serta Langkah Mengatasinya**
 - *YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar*
(*Lembah Pantai*) [Halaman 4]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., S.P.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek, S.S.A.P., D.P.M.T. [Kemaman] – UMNO

11. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis] – UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M., S.S.D.K., D.N.S. [Jerai] – UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] – PBRB
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] – UPKO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S., P.G.B.K. [Selangau] – PRS
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar] – PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya] – PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] – UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan, P.J.N., K.M.M. – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] – UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA

28. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak, S.P.D.K. – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titivangsa] – UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D., S.S.A.P. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, D.G.P.N., D.M.P.N. [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan, D.S.S.A., D.S.P.N. – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N., P.J.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., S.S.A.P. [Kubang Pasu] – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, D.I.M.P. – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman] - PRS
29. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Nogeh anak Gumbek, D.I.M.P. [Mas Gading] – SPDP
30. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Devamany a/l S. Krishnasamy, S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., P.P.T. – *Senator*
31. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
33. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato’ Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C., D.S.A.P. [Paya Besar] – UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] – PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO

13. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., D.A., P.N.B.S. [Betong] – PBB
16. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
21. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] – UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K., J.M.N. [Ranau] – UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah, J.S.M. [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P., S.S.A.P., S.U.N.S., S.S.N.S. [Kuala Pilah] – UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] – UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] – UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] – PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N., P.G.B.K. [Julau] – PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] – UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] – MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng, P.J.N. [Simpang Renggam] - GERAKAN

37. Yang Berhormat Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] – PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] – UMNO
44. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S., J.B.K. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] – UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman, P.J.N. [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
50. “ Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] – UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] – UMNO
52. “ Datuk Seri Palanivel a/l K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K., S.M.W. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] – UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
58. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. ” Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] – UMNO

61. Yang Berhormat Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S., S.P.M.P., A.N.S., J.P. [Tampin] – UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu] – SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S., P.J.N. [Lubok Antu] – PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. [Saratok] – SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. “ Dato’ Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal]
14. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak]

17. Yang Berhormat Datuk Mohd Idris bin Jusri, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
20. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz, D.I.M.P. [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]

22. Yang Berhormat Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli, P.J.C., J.P. [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P., S.P.M.S. [Bandar Tun Razak]
2. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh]

WARISAN

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
2. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Puan Lavinia A/P Vyveganathan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Alzian bt. Baharudin

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad

Nurul Atikah binti Basrudin

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Nurul Fadhilah binti Ibharm

Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 25 Julai 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

Isu Pembinaan Pusat Pelupusan Sampah di Bukit Payong

2.33 ptg.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan isu pembinaan pusat pelupusan sampah di Bukit Payong, Parit Sulong. Seperti yang dimaklumkan, pusat pelupusan sampah berkenaan dicadangkan bakal dibina di atas tanah seluas 46 hektar yang dijangka beroperasi pada Ogos 2019. Projek tersebut dianggarkan kos pembinaannya sekitar RM59 juta itu hanya akan dijalankan sekiranya berlaku *win-win situation*, dengan izin di antara kerajaan dan penduduk tempatan.

Saya melihat polemik yang berlaku di antara penduduk tempatan dan pihak kerajaan negeri merupakan sesuatu yang serius dan penyelesaian yang terbaik perlu diambil bagi kepentingan dan kebaikan semua pihak. Apa yang dipersoalkan oleh para penduduk di sini adalah berkaitan pembabitan jalan keluar masuk lori sampah yang dikhuatiri akan meninggalkan bau di samping para penduduk yang turut mempersoalkan tentang kebersihan air dari pusat berkenaan yang akan mengalir ke saluran berhampiran. Meskipun pihak kerajaan negeri dilihat berusaha sebaik mungkin dalam memberikan penjelasan kepada para penduduk mengenai isu ini, namun masih terdapat kerunsingan yang menyelubungi para penduduk di kawasan berkenaan mengenai isu pembinaan pusat pelupusan sampah ini.

Oleh yang demikian, saya memohon untuk bertanya kepada pihak kementerian berkaitan, apakah penjelasan dari Kajian Impak Alam Sekitar (DEIA) yang dilakukan oleh kontraktor yang dilantik bagi membolehkan pusat pelupusan sampah ini dapat beroperasi seperti yang dirancang memandangkan masih terdapat para penduduk yang kurang mendapat maklumat mengenai penjelasan ini?

Seterusnya, bagaimanakah pihak kementerian melihat pembinaan pusat pelupusan sampah ini mampu memberi impak dan

kesan yang bermanfaat kepada penduduk di kawasan berkenaan dan apakah kemampuan pusat pelupusan sampah berkenaan dalam menampung jumlah penduduk di daerah berkenaan yang dijangka mencapai 1 juta orang menjelang tahun 2019? Terima kasih.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Parit Sulong. Untuk menjawab kepada beberapa isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Parit Sulong, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Bukit Payong dalam kawasan Yang Berhormat ini, ia adalah tapak yang ketiga yang dicadangkan dan diluluskan oleh pihak kerajaan negeri, bukan oleh pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebelum ini pihak kerajaan negeri ada mencadangkan dua tapak.

Pertama di Bukit Bindu dan kedua di Pagoh. Akan tetapi oleh kerana mungkin dua-dua cadangan ini tidak sesuai untuk pembinaan tapak pelupusan, maka akhirnya kerajaan negeri mencadangkan tapak yang ketiga iaitu kebetulan pula dalam kawasan Yang Berhormat di Bukit Payong. Saya hendak jelaskan ini supaya Yang Berhormat jelas yang tapak itu bukan dipilih atau ditentukan oleh pihak kementerian tetapi tapak itu dipilih dan ditentukan oleh pihak kerajaan negeri. Itu yang pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, sebelum tapak pelupusan sisa pepejal sanitari Bukit Payong ini dibina, kementerian yang bertanggungjawab Yang Berhormat berkaitan dengan urusan ini ialah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN). JPSPN ini telah melantik perunding alam sekitar daripada bukan calang-calang orang, bukan orang dari luar tetapi daripada Universiti Teknologi Malaysia. Bagi melaksanakan kajian terperinci impak alam sekitar (DEIA) persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi bagi tapak tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, skop perkhidmatan perunding berkenaan adalah untuk menilai dari pelbagai aspek iaitu melibatkan persekitaran, kesihatan, sosial, ekonomi sekitarnya TPS Bukit Payong ini dibina dan beroperasi. Di antara skop kajian Yang Berhormat, melihat kepada yang pertama, penilaian terhadap dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *leachate generation*, penilaian terhadap *surface water quality water impact modelling*, penilaian terhadap flora dan fauna, penilaian terhadap air *quality order* dan *noise*, penilaian terhadap *traffic impact*, penilaian terhadap *social impact economy* dan penilaian terhadap *land use based generation and health impact assessment*. Jadi tujuh skop ini ia termasuk dalam kajian yang dilaksanakan oleh pihak UTM.

Seterusnya, kajian ini telah pun dibentangkan di Jabatan Alam Sekitar di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan telah pun diluluskan pada 11 Mac 2013. Kerajaan negeri maklum tentang kajian yang telah pun diselesaikan oleh pihak UTM ini. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Parit Sulong tadi tentang kekhawatiran penduduk

terhadap tumpahan, *leachate* sekiranya lori sampah keluar masuk ke tapak yang boleh mengakibatkan pencemaran bau.

■1440

Untuk makluman Yang Berhormat, bermula pada 1 September 2014, penguatkuasaan secara menyeluruh telah pun dilaksanakan dan ia menjadi *Key Performance Indicator* (KPI) bagi mengoperasi, kutipan dan pembersihan awam bagi negeri-negeri yang menguatkuasakan Akta 672 itu termasuklah negeri Johor yang telah pun kita laksanakan. Ia juga merangkumi penggunaan kenderaan baru yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan kutipan supaya berupaya untuk menghalang *leachate* daripada tumpah ke jalan apabila lori sampah kita bergerak untuk ke TPS Bukit Payong.

Sekiranya masih terdapat tumpahan *leachate* di laluan kutipan, pihak konsesi akan dikenakan penalti yang telah pun kita tetapkan selaras dengan apa yang dinyatakan di dalam perjanjian konsesi yang telah ditandatangani antara pihak konsesi dengan kerajaan. Oleh yang demikian, kekhuatiran penduduk dan termasuk kebimbangan yang ada dalam hati Yang Berhormat terhadap tumpahan *leachate* sekiranya lori sampah keluar masuk ke tapak yang boleh mengakibatkan pencemaran bau boleh diatasi melalui pematuhan KPI oleh pihak SWCorp terhadap syarikat konsesi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga Tuan Yang di-Pertua, pembinaan tapak pelupusan berkenaan ini kita lengkapi dengan sistem pengumpulan dan rawatan *leachate* di mana *leachate* terawat ini ia perlu mengikut standard yang telah pun ditetapkan oleh alam sekitar sebelum dilepaskan dan selain daripada itu loji rawatan *leachate* yang dibina menggunakan *biological chemical injection system* dan adalah terbukti keberkesannya merawat *leachate* sebagaimana yang kita gunakan di tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Bukit Tagar dan juga Jeram di Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan keyakinan walaupun mungkin jawapan saya ini dia masih lagi tidak dapat menyelesaikan kekusaran yang ada dalam hati Yang Berhormat Parit Sulong, saya ingin memberikan jaminan kepada Yang Berhormat bahawa pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bersama-sama dengan kerajaan negeri, bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Batu Pahat dan agensi-agensinya kerajaan yang lain yang berkaitan juga telah melaksanakan.

Kita sudah buat dialog dengan penduduk kampung Yang Berhormat, pada 9 November 2012 yang lalu. Kampung yang berdekatan iaitu Kampung Mat Nor yang terbaru pada 23 April 2017 dengan penduduk Kampung Kangkar Merlimau untuk kita terangkan secara terperinci berkaitan dengan kepentingan tapak pelupusan tersebut untuk menyelesaikan isu yang berkaitan dengan pembinaan tapak pelupusan tersebut untuk menyelesaikan isu yang berkaitan dengan pelupusan sisa pepejal.

Dalam dialog itu, ini buku tebal ini, semua perkara-perkara yang dibangkitkan dalam dialog itu Tuan Yang di-Pertua, mungkin nanti saya boleh berikan satu salinan kepada Yang Berhormat untuk jadi rujukan kalau ada orang kampung kata dia sudah bangkitkan, kita kata kita sudah bincang, dia kata tidak, Yang Berhormat pegang ini sebagai bukti

mengatakan bahawa konsultasi telah pun dijalankan dengan dua orang penduduk dari dua buah kampung.

Antara perkara yang diminta untuk diberi pertimbangan Tuan Yang di-Pertua, ialah agar peluang pekerjaan dapat ditawarkan kepada penduduk setempat setelah operator di tapak itu dilantik dan walaupun kampung-kampung berdekatan tapak berkenaan bukannya sebenarnya dalam kawasan perkhidmatan Majlis Perbandaran Batu Pahat, namun di atas dasar keprihatinan kita mahu melibatkan penduduk secara keseluruhan, tong-tong komunal akan kita tempatkan di kawasan-kawasan tertentu berhampiran dengan tapak pelupusan bagi membolehkan penduduk dalam kawasan dua buah kampung itu dan juga kampung yang berhampiran, buang sisa-sisa pepejal mereka dalam tong komunal yang kita akan sediakan.

Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Parit Sulong, cadangan pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari ataupun kita panggil TPS Bukit Payong, Batu Pahat ini ia adalah merupakan satu tapak pelupusan berwilayah. *It will be a regional* tapak pelupusan dan ia akan dibina di atas tanah yang seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat seluas 100 ekar dengan tujuan untuk kita lupuskan sisa pepejal sebanyak 650 tan, banyak itu, sehari daripada lima pihak berkuasa tempatan iaitu daripada Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Perbandaran Muar, Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Daerah Simpang Renggam dan juga Majlis Perbandaran Kluang.

Jadi merujuk kepada reka bentuk tapak, ia akan berupaya untuk lupuskan sisa pepejal daripada kawasan yang saya nyatakan tadi ini untuk tempoh sehingga lima tahun. Dalam pada itu, saya sekali lagi hendak berikan keyakinan kepada Yang Berhormat, bahawa kementerian juga merancang untuk membina sebuah loji *waste to energy* di kawasan yang sama dan kita akan pertingkatkan usaha untuk kita tentukan supaya bukan sahaja tempoh jangka hayat tapak pelupusan ini akan jadi lebih panjang tetapi perkhidmatan yang akan diberikan kepada lima pihak berkuasa tempatan yang saya nyatakan tadi, ia tidak akan menjejaskan harapan rakyat daripada kampung terutama dua buah kampung yang dinyatakan tadi.

Jadi saya harap Yang Berhormat selaku Ahli Parlimen bagi kawasan Parit Sulong akan dapat memberikan sokongan kepada usaha yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian dan juga akan dapat memberikan sokongan terhadap usaha yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri. Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Isu Dadah di Kalangan Remaja dan Kanak-kanak serta Langkah Mengatasinya

2.45 ptg.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, gejala dadah kini melibatkan kanak-kanak dan remaja, melambangkan masalah di negara ini berada tahap kritikal. Malahan, tularnya video seorang kanak-kanak berumur tiga tahun Tuan Yang di-

Pertua, yang diberikan dadah di media sosial menimbulkan kekusaran kepada kebajikan dan masa depan anak Malaysia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut mengesahkan bahawa kanak-kanak seawal tujuh tahun terlibat dengan ketagihan dadah hasil usaha pengedar yang mencipta makanan sintetik mengandungi dadah kepada hasil usaha pengedar yang mencipta makanan sintetik mengandungi dadah kepada kanak-kanak tersebut. Kes yang sama berlaku di Butterworth, Pulau Pinang apabila seorang kanak-kanak berusia 12 tahun ditahan di sebuah hotel kerana positif dadah.

Kelemahan badan bertanggungjawab dalam memantau kanak-kanak daripada pengaruh dadah amat membimbangkan. Sebanyak 2,000 buah sekolah yang telah dikenal pasti oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang mempunyai pengaruh kegiatan dadah di seluruh Malaysia. Pelajar yang terlibat kebanyakannya berusia antara 14 hingga 16 tahun.

Trend ini Tuan Yang di-Pertua, selari dengan laporan yang dikemukakan oleh AADK pada tahun 2014 yang menunjukkan peningkatan golongan remaja dan kanak-kanak yang terjebak dengan najis dadah. Contohnya, peningkatan remaja usia 16 hingga 19 tahun dalam gejala dadah meningkat kepada 1,173 orang tahun 2014 daripada 847 orang tahun 2013.

Sewajarnya kerajaan mengemukakan statistik terkini penglibatan golongan remaja dari tahun 2010 hingga Mei 2017 dalam melihat trend ketagihan najis dadah mengikut umur dan negeri.

Perlu juga maklumat berkait jumlah remaja mendapat rawatan pemulihan ketagihan dadah dari tahun 2010 hingga Mei 2017, Dengan trend penglibatan remaja dalam gejala dadah, dibimbangi kerajaan gagal mencapai sekolah bebas dadah pada tahun 2012.

Justeru, Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di peringkat sekolah wajar dikaji keberkesanannya. Kekurangan modul pendidikan pencegahan dadah dan kekurangan tenaga pengajar dalam PPDa menjadi satu kekangan yang dibimbangi gagal mendidik murid sekolah tentang bahaya dadah.

Golongan sasaran dalam menangani isu ketagihan dadah di sekolah perlu diberi keutamaan. Pelajar yang mempunyai kebarangkalian terlibat dengan penyalahgunaan dadah perlu disasar menerusi PPDa sendiri. Pelajar yang mempunyai rekod disiplin, merokok, gengsterisme dan ponteng sekolah perlu diserap awal menyertai PPDa. Ini dapat mengukuhkan lagi pendekatan membanteras jenayah dadah.

Kerajaan juga perlu menumpukan perhatian kepada sekolah dan kawasan yang berisiko tinggi dalam penyalahgunaan dadah. Peruntukan saya anjurkan, harus diberikan dalam PPDa mengikut masalah sekolah dan bukan bergantung kepada kuantiti pelajar sekolah dan sebuah latihan Kemahiran Hidup kepada pelajar sekolah perlu ditubuhkan dalam membentuk karisma, kemahiran berkomunikasi dan latihan penolakan dadah secara praktikal. Murid dapat memahami bahaya penyalahgunaan dadah dan lebih yakin, *insya-Allah* untuk tidak terlibat dengan jenayah ini. Latihan boleh disertakan dalam program PINTAR dan PROSIDAR. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

2.49 ptg.**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:**

Terima kasih atas isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil masa sedikit panjang sedikit masa saya kerana banyak yang perlu dijelaskan terhadap isu yang penting ini. Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil perhatian berat akan pengaruh dan ancaman dadah dalam kalangan remaja dan kanak-kanak di Malaysia seperti dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat Lembah Pantai.

Pada kesempatan ini, izinkan saya perkara-perkara yang ditimbulkan oleh ahli Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab menyediakan sistem pendidikan bersepadu bagi melahirkan murid yang berjaya dalam bidang akademik dengan sahsiah yang baik. Menangani masalah disiplin murid termasuk gejala dadah merupakan salah satu cabaran KPM dalam usaha mencapai aspirasi murid seperti yang di tetapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

KPM sedar masalah dadah dalam masyarakat semakin membimbangkan, namun saya ingin menegaskan bahawa ancaman dadah dalam kalangan murid telah diberi perhatian khusus melalui dasar pendidikan pencegahan dadah KPM yang dilaksanakan secara terancang di peringkat KPM, JPN, PPD dan sekolah. Unit Pendidikan Pencegahan Dadah di KPM dan JPN telah diwujudkan sejak tahun 1986 dan pegawai pencegahan dadah juga ditempatkan di semua PPD yang dibantu oleh guru pendidikan pencegahan dadah di semua sekolah.

Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai tidak sepatutnya membuat kesimpulan mudah berdasarkan kes yang berlaku di dalam masyarakat. Terutama kes yang dilaporkan di media sosial untuk mengatakan bahawa masalah dadah di sekolah adalah pada tahap kritikal. Kerajaan tidak akan membenarkan musuh nombor satu negara itu merosakkan masa depan anak-anak kita. Kita semua tahu bahawa kerajaan serius dalam perkara ini. Saya tidak menafikan gejala dadah turut mempengaruhi murid kita. Tetapi penglibatan mereka masih pada tahap mencuba-cuba dan belum dikategorikan sebagai penagih dadah. Murid yang mencuba dadah dikesan melalui ujian saringan urin yang dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Berdasarkan rekod KPM pada tahun 2016, peratus murid yang terlibat yang mencuba dadah ialah sebanyak 0.036 peratus. Peratusan tersebut semakin berkurangan bagi enam bulan pertama tahun ini. Iaitu pada kadar 0.0276 peratus daripada keseluruhan 5 juta murid seluruh negara.

Sehingga bulan Mei 2017, jumlah keseluruhan murid yang terlibat dalam mencuba dadah ialah seramai 1,345 orang murid. Semu murid terlibat mencuba dadah ini masih hadir ke sekolah untuk sesi kaunseling secara terancang selama tiga bulan di peringkat sekolah. Secara terperinci murid yang terlibat ialah murid sekolah menengah yang terdiri daripada 14 orang Tingkatan 1; 72 orang Tingkatan 2; 240 orang Tingkatan 3; 453 orang Tingkatan 4; 548 orang Tingkatan 5 dan seorang Tingkatan 6, dan 17 orang murid kolej vokasional. Sehingga kini KPM tidak mendapat sebarang laporan mengenai murid seawal tujuh tahun terlibat dengan penagihan dadah.

Jenis dadah yang dikesan melalui ujian urin murid ialah dadah jeni sintetik iaitu syabu dan pil sebanyak 77.16 peratus. Manakala dadah tradisional iaitu ganja dan opiat 22.84 peratus. KPM mahu menegaskan bahawa jumlah yang saya sebut itu merupakan bilangan murid yang mencuba dadah dan tidak dikategorikan sebagai penagih dadah. Mereka masih mengikut pembelajaran dan aktiviti sekolah seperti biasa. Tetapi perlu mengikut pemantauan dan bimbingan terancang oleh kaunselor sekolah. Selepas tiga bulan murid-murid ini akan diuji semula oleh AADK untuk memastikan mereka bebas dadah.

Pengesahan penagihan dadah hanya dibuat oleh AADK melalui ujian makmal. Jika hasil ujian urin ulangan mereka masih lagi positif, murid disarankan untuk mendapat rawatan daripada AADK kerana hanya pihak AADK yang melaksanakan rawatan pemulihan dadah. Rawatan pemulihan dadah ini dijalankan secara sukarela oleh murid dengan bantuan keluarga masing-masing. Sehingga kini belum ada murid sekolah yang didaftarkan sebagai peserta *Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC)* yang dikendalikan oleh AADK. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, KPM menyedari akan kes seorang kanak-kanak berusia 12 tahun yang ditahan di sebuah hotel bersama ibunya dan kanak-kanak tersebut didapati positif dadah.

Mengikut rekod, kanak-kanak tersebut merupakan bekas murid sekolah kebangsaan di Pulau Pinang. Murid tersebut sepatutnya mendaftar di Tingkatan 1 di sekolah menengah berdekatan tetapi gagal berbuat demikian. Semasa di sekolah rendah, murid ini dilaporkan selalu ponteng dan pihak sekolah telah membuat lawatan di rumah murid tersebut. Murid tersebut hanya hadir ke sekolah semasa peperiksaan ujian penilaian sekolah rendah. Kehilangan murid ini dalam sistem pendidikan menyebabkan kesukaran pihak sekolah untuk memantau keadaan tingkah laku murid tersebut secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, KPM melaksanakan program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) melalui empat pendekatan utama iaitu, pengurusan dan kepimpinan, kurikulum, kokurikulum dan pembentukan sahsiah. Sasaran utama KPM ialah murid, guru, kakitangan dan ibu bapa menerima maklumat PPDa bagi memastikan institusi pendidikan bebas daripada pengaruh dadah. Strategi utama yang dilaksanakan oleh KPM ialah pencegahan dan intervensi secara implisit dan eksplisit di semua sekolah rendah dan menengah. Antara usaha KPM dalam melaksanakan program PPDa di dalam dan luar kelas menerusi kurikulum, kokurikulum serta pembangunan sahsiah.

Semua sekolah mempunyai Jawatankuasa PPDa yang akan menyelaras pelaksanaan aktiviti PPDa sepanjang tahun. Antara aktiviti PPDa yang dilaksanakan di sekolah ialah Mesej Lima Minit Anti Dadah, Sambutan Minggu Anti Dadah, bilik atau laluan PPDa, pengajaran PPDa dalam subjek kesihatan dan badan beruniform, Skim Lencana Antidadah (SLAD). Semua program PPDa dinilai dari semasa ke semasa bagi memastikan program tersebut memberi impak kepada murid. Hasil penilaian dilaporkan pada pihak pentadbir sekolah, JPN, PPD untuk penambah baikkan. Inovasi program dan pelaksanaan strategi yang lebih tepat. Dalam konteks mengawal dan mengesan lebih awal kes murid mencuba dadah, KPM menjadikan sekolah dan murid berisiko tinggi sebagai sasaran. Berisiko tinggi di sini bermaksud sekolah dan murid berada dalam kawasan hitam dari segi kegiatan dadah dan jenayah sosial berdasarkan rekod AADK dan pihak polis.

Pihak sekolah juga menggunakan perkhidmatan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) sebagai mata, telinga pihak sekolah dan menjadi mentor kepada rakan sebaya mereka supaya pihak sekolah boleh mengesan lebih awal. KPM juga membangunkan sumber guru yang mempunyai kemahiran dalam PPDa sebagai penggerak utama di peringkat sekolah. Mereka telah diberi latihan dan maklumat terkini serta mempunyai rangkaian kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan bagi membantu tugas PPDa mereka di sekolah.

Di samping itu, KPM telah menghantar guru-guru menyertai pengajian Diploma Pasca Siswazah dan Sarjana *Special Program for Alcohol and Drug Abuse* (SPADA) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan juga Universiti Malaysia Sabah (UMS) Seramai 277 orang guru telah menamatkan pengajian diploma dan sarjana SPADA. Daripada jumlah tersebut 170 guru telah ditempatkan dan dilantik sebagai guru PPDa di sekolah seluruh negara. Baki 107 orang telah ditempatkan di bahagian KPM, JPN, PPD dan IPGM. Seramai 30 orang guru lagi akan menamatkan pengajian mereka di USIM dan UMS pada September 2018 dan akan ditempatkan di sekolah berisiko tinggi di seluruh negara.

Dengan adanya guru sumber yang berkemahiran PPDa di sekolah, KPM akan menangani isu murid terlibat di sekolah masing-masing. Kaedah ini lebih muhasabah kerana proses membimbing murid terlibat dadah perlu disokong dengan penglibatan langsung ibu bapa terlibat. Oleh itu KPM berpandangan cadangan Yang Berhormat Lembah Pantai untuk menubuhkan sebuah institusi khusus untuk murid terlibat dadah adalah tidak praktikal. Tambahan pula jika remaja atau bekas murid sekolah yang dikesan dan disahkan sebagai penagih, mereka mempunyai banyak pilihan untuk memasuki CCRC yang diuruskan oleh AADK.

Tuan Yang di-Pertua, KPM juga ingin menjelaskan bahawa sebanyak 2000 buah sekolah yang telah dikenal pasti oleh AADK sebagai sekolah yang berada dalam kawasan pengaruh kegiatan dadah yang tinggi. Namun bukan semua sekolah tersebut mempunyai murid yang terlibat dengan dadah. Langkah ini membantu pihak sekolah merancang aktiviti PPDa yang bersesuaian bagi melindungi murid mereka daripada pengaruh persekitaran dadah. Pada masa yang sama KPM bekerjasama rapat dengan pihak polis untuk memantau aktiviti yang boleh mendorong murid daripada terlibat dadah. Semua sekolah telah mempunyai pegawai perhubungan polis yang akan saling berhubung secara dua hala bagi membantu sekolah dalam isu-isu disiplin dan jenayah.

Melalui prinsip NBOS, KPM telah menjalin kerjasama dengan kementerian lain dan agensi luar termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan bagi memperluas mesej pencegahan dadah aktiviti PPDa juga dilaksanakan oleh agensi-agensi lain seperti AADK, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia. Antara aktiviti yang dilaksanakan di bawah konsep NBOS ialah:

- (i) ujian urin untuk murid sekolah menengah;
- (ii) Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) untuk murid-murid yang dikesan mencuba dadah;

- (iii) Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) untuk murid-murid sekolah rendah di kawasan berisiko;
- (iv) Pprogram IMFree iaitu penerapan bahaya rokok kepada murid sekolah rendah bermula Tahun 1; dan
- (v) melaksanakan Kempen Bahaya Dadah kepada murid-murid menerusi Program Ilmu, Maju, Amal dan Nekad (IMAN) di sekolah rendah dan menengah.

Bermula tahun 2017, KPM telah meluaskan rangkaian kerjasama membanteras dadah dalam kalangan murid sekolah menerusi Program Gerak Sedar Bersepadu (PROGRES). Menerusi ini lebih banyak agensi kerajaan yang dilibatkan. Antara agensi tersebut ialah FELDA, PDRM, pihak berkuasa tempatan, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah berbincang untuk meningkatkan aktiviti masing-masing di kawasan sekolah dan di persekitaran tempat tinggal murid khususnya di kawasan yang berisiko tinggi yang telah dikenal pasti oleh AADK.

KPM mengucapkan terima kasih kepada kerajaan pusat yang sentiasa memberi keutamaan kepada isu-isu yang melibatkan murid termasuk menyediakan peruntukan kewangan. Mesyuarat jawatankuasa kabinet membanteras dadah pada 25 Oktober 2016 telah bersetuju untuk menyalurkan peruntukan PPDa terus kepada KPM. Sehubungan dengan itu KPM akan memantapkan lagi strategi dan perancangan sedia ada untuk dilaksanakan pada tahun 2018 menggunakan peruntukan yang bakal disalurkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan dilaksanakan di sekolah-sekolah di KPM adalah bersifat holistik untuk membangunkan modal insan yang berakhlak mulia. Banyak faktor luaran yang mempengaruhi murid-murid mencuba dadah yang di luar bidang kuasa KPM. Oleh yang demikian KPM mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk komuniti setempat untuk berganding bahu membantu dan menyambut usaha KPM menyediakan sekolah dan persekitaran yang bebas daripada dadah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 26 Julai 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.03 petang]